

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

RAMADHAN TALK-SERIES

KEPIMPINAN DIRI DALAM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

**Dewan An-Najah, Institut Perkhidmatan Awam
Isnin, 13 Ramadhan 1442 bersamaan 26 April 2021**

OLEH:

DR HAJI NORALIZAM BIN HAJI ALIAKBAR

DEKAN FAKULTI SYARIAH

KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

PENDAHULUAN

- ▶ Islam ialah agama yang diredhai Allah Subhanahu wa Ta'ala. Agama yang memimpin manusia ke arah kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat kelak.
- ▶ Islam adalah sebagai panduan dan cara hidup yang syumul (sempurna). Islam hendaklah dihayati dan diamalkan di dalam semua aspek kegiatan hidup, sama ada di dalam ibadah fardhu 'ain atau fardhu kifayah, ibadah khusus atau umum dan juga di dalam hubungan sesama manusia (makhluk) dengan Tuhannya (Khaliq) dan dengan manusia lain serta alam seluruhnya.
- ▶ Ini tidak terkecuali di dalam kegiatan perkhidmatan, pentadbiran, pengurusan dan sebagainya adalah juga dituntut berlandaskan dan berasaskan ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith.
- ▶ Kepimpinan, pengurusan dan pentadbiran Islam dalam erti kata yang sebenarnya tidak pernah berpisah daripada aqidah, syari'ah dan akhlak.

KEPIMPINAN

- ▶ Menurut Kamus Dewan, kepemimpinan berasal daripada perkataan pimpin bererti bimbing, pandu, tuntun dan tunjuk.
- ▶ Memimpin pula bererti memegang tangan untuk menunjukkan jalan, membimbing dan menuntun. Ia juga bererti mengepalai atau mengetuai seperti mengetuai badan, persatuan, pergerakan, rapat umum dan seterusnya.
- ▶ Daripada pengertian pimpinan dan pemimpin, maka lahirlah kata-kata “kepemimpinan” bererti keupayaan memimpin.

KEPIMPINAN

- ▶ Kepimpinan merupakan ciri kemasyarakatan yang lahir hasil kerjasama individu dengan orang lain. Ia merupakan suatu ikatan yang amat diperlukan oleh sesuatu organisasi, yang tugasnya menyusun interaksi seluruh anggota masyarakat sama ada dalam bentuk individu mahupun kumpulan yang masing-masing mempunyai tujuan tertentu.
- ▶ Kepimpinan dalam pengurusan dapatlah diertikan secara ringkas iaitu merupakan suatu kemampuan menyusun dan mengarah kegunaan semaksimum tenaga kumpulan yang dianggotai oleh dua orang atau lebih untuk mencapai matlamat yang telah dirancang.

KEPIMPINAN DIRI MENURUT TEORI BARAT

- ▶ Konsep kepemimpinan diri (*self leadership*) boleh dikatakan pendekatan baru dalam teori kepemimpinan. Konsep ini pertama kali muncul pada pertengahan tahun 1980 oleh Charles C Manz, sebagai pengembangan fungsi dari pengurusan diri, pengarahan diri, kawalan diri dan motivasi diri yang kemudian banyak berkembang dalam industri dan organisasi.
- ▶ Kepimpinan diri merupakan suatu kemampuan yang dimiliki individu untuk mempengaruhi, mengarahkan, mengawasi, dan memotivasi dirinya (pola pikir dan perilakunya) untuk mencapai tujuan yang diinginkan (Neck & Houghton, 2006).

MAKSUD KEPIMPINAN DIRI

- ▶ Kepimpinan diri adalah kemampuan untuk mengarahkan dan memotivasi orang lain termasuk kemampuan untuk dengan sengaja dan sedar mempengaruhi seseorang dari segi fikiran, emosi dan perilaku dalam rangka untuk mencapai tujuan dan matlamat yang telah dirancang

KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

- ▶ Dalam Islam, asas utama dan paling pokok dalam kepemimpinan adalah tanggungjawab. Semua orang yang hidup di muka bumi ini disebut sebagai pemimpin.

KEPIMPINAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

- ▶ Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda mafuhmnya:
“Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang pemimpin akan diminta pertanggungjawaban perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumahtangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab dan tugasnya. Bahkan seorang pembantu/pekerja rumahtangga yang bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggung jawaban) darihal hal yang dipimpinnya. (Hadith riwayat Imam al-Bukhari dan Imam muslim)

CIRI-CIRI KEPIMPINAN ISLAM

- ▶ Kepimpinan hendaklah mempunyai sifat-sifat dan unsur-unsur keislaman di dalam keupayaan memimpin dan cara atau gaya kepimpinan yang berteraskan ajaran Islam yang membezakannya daripada sifat-sifat atau unsur-unsur kepimpinan yang bukan islamik.
- ▶ Kepimpinan Islam ialah kepimpinan yang bermatlamatkan untuk mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu wa Ta'ala dan menjadikan kepimpinan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam sebagai contoh dan ikutan serta untuk mendapatkan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

KEPIMPINAN DIRI ISLAM

- ▶ Proses kepemimpinan diri terlihat dari pengarahan, pengelolaan dan pengendalian potensi dan sumber daya yang dimiliki. Bila didayagunakan untuk menaati Allah Subhanahu wa Ta'ala, itulah jiwa pemimpin sejati, kerana telah berjaya mempertanggungjawabkan amanah kepercayaan itu. Dia menjadi hamba Allah.
- ▶ Namun, bila diserahkan pada syahwat, syaitan dan cinta keduniaan, dirinya telah menjadi hamba syahwat, hamba syaitan dan hamba keduniaan. Kerana bukan dirinya yang mengendalikan tetapi ada pihak lain yang mengendalikan.

“Sesungguhnya kekuasaannya (syaitan) hanyalah atas orang-orang yang mengambilnya jadi pemimpin dan atas orang-orang yang mempersekutukannya dengan Allah.” (Surah An-Nahl, ayat: 100).

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

TEORI BARAT

- ▶ Menyadari bahawa manusia adalah *“input”* atau sumber penting di dalam pengurusan dan pentadbiran, tetapi gagal memahami akan hakikat keinsanan manusia, tujuan dan matlamat hidup ataupun tujuan-tujuan lain yang lebih *“fundamental”* (asas).
- ▶ Urus tadbir barat melihat manusia itu sebagai “haiwan ekonomi” yang bertugas hanya untuk memuaskan nafsu ekonomi dan berminat hanya untuk memenuhi kehendak dan objektif organisasi semata-mata.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PERSPEKTIF ISLAM

- ▶ Perspektif Islam amat berbeza dengan pendekatan urus tadbir barat. Ia melihat manusia lebih tinggi dari makhluk ekonomi ataupun tuntutan-tuntutan keduniaan yang bersifat hedonis, sekular dan materialis semata-mata.

HAKIKAT MANUSIA DALAM ISLAM

MANUSIA KHALIFAH DI MUKA BUMI

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi". Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui." (Surah Al-Baqarah, ayat: 30)

HAKIKAT MANUSIA DALAM ISLAM

MANUSIA ADALAH SEBAIK-BAIK CIPTAAN

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ^ص

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya” (Surah At-Tin, ayat: 4)

- ▶ Dan inilah subjek sumpahnya, yaitu bahwa Allah Subhanahu wa Ta'ala telah menciptakan manusia dalam bentuk yang paling baik dan rupa yang paling sempurna, tegak jalannya dan sempurna, lagi baik semua anggota tubuhnya. (Tafsir Ibnu Kathir)

HAKIKAT MANUSIA DALAM ISLAM

MANUSIA MAKHLUK YANG MULIA

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

“Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.” (Surah al-Isra’, ayat: 70)

PERSONALITI PROFESIONAL

- ▶ Profesional bererti orang yang mengamalkan (kerana pengetahuan, kepakaran dan kemahirannya) suatu bidang profesion.
- ▶ Manakala Profesionalisme ialah sifat-sifat (kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu dan lain-lain) sebagaimana yang sewajarnya terdapat pada atau dilakukan oleh seorang professional.

PERSONALITI PROFESIONAL

Terdapat banyak ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadith-Hadith yang menyuruh bekerja secara profesional:

- ▶ Bekerja sesuai dengan kemampuan atau kapasitasnya (Al-An'am: 135, Az-Zumar: 39 dan Hud: 93)
- ▶ Bekerja dengan hasil terbaik (Al-Mulk: 2)
- ▶ Bekerja sesuai dengan bidang keahlian (Al-Isra': 84)
- ▶ Bekerja sesuai dengan yang patut dan layak (An-Nahl: 97, Al-Anbiya': 94, dan Al-Zalzalah: 7)
- ▶ Jika suatu urusan diserahkan bukan pada ahlinya maka tunggulah kehancurannya (Hadith riwayat Imam Al-Bukhari)

“Bila suatu pekerjaan tidak diserahkan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancurannya.”

ILMU DAN IMAN ASAS PROFESIONALISME

Kepentingan ilmu

Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ

“Katakanlah lagi (kepadanya): “Adakah sama orang-orang yang mengetahui (berilmu) dengan orang-orang yang tidak mengetahui (tidak berilmu)?” (Surah Az-Zumar: 9)

ILMU DAN IMAN ASAS PROFESIONALISME

- ▶ Tuntutan meningkatkan ilmu pengetahuan di kalangan individu Islam bertujuan menyuburkan keilmuan dari segenap aspek yang mencakupi keagamaan dan keduniaan, sehingga Muslim tersebut akan menjadikan ilmunya ke arah mengenali Allah dan RasulNya, juga membolehkannya menunaikan tanggungjawab di dunia dengan kemampuan dan kebolehan yang dituntut dalam melaksanakan tugas dan peranannya sebagai khalifah Allah pemakmur bumi ini.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَاسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

"Dia telah menjadikan kamu dari tanah dan kamu dituntut supaya memakmurkan / membangunkannya". (Surah Hud, ayat: 61)

ILMU DAN IMAN ASAS PROFESIONALISME

Implikasi iman

- ▶ Ia berkhidmat untuk kebaikan manusia dengan tujuan mendapat keredhaan dan mengelakkan dari kemurkaan Allah yang matlamat pekerjaannya bukan bersifat keduniaan atau kebendaan.
- ▶ Ia berkhidmat sebagai hamba Allah dan khalifahNya dalam apa keadaan sekalipun. Nilai amanah kepadanya mencakupi amanah kepada Allah dan sikap amanah termasuk keseluruhan diri, ilmu, harta dan kemahirannya.
- ▶ Ia menjalankan tugasnya atas dasar ibadah kepada Allah di samping menunaikan ibadah-ibadah khusus yang wajib dilakukan. Motivasi bekerja bukan lagi terikat kepada sistem ganjaran dunia tetapi balasan baik dan buruk di akhirat kelak.

ILMU DAN IMAN ASAS PROFESIONALISME

Implikasi iman

- ▶ Rasa tanggungjawab bukan sahaja kepada ketuanya tetapi yang lebih penting kepada Allah di dunia dan akhirat. Di samping wujudnya sekatan dalam dirinya sendiri untuk mencegahnya dari tindakan-tindakan yang bertentangan dengan undang-undang dan akhlak.
- ▶ Ia mempunyai kod etika yang lebih tinggi, menyeluruh dan tahan uji daripada kod dalam profesyennya. Ia mengetahui bahawa musuh dalamannya yang besar ialah hawa nafsunya sendiri dan dorongan kesyaitanan yang sentiasa mencari kesempatannya yang terbuka dan tersembunyi.
- ▶ Hubungan kemesraan dengan manusia lain tidak akan didasarkan semata-mata kepada pangkat tetapi nilai-nilai kemanusiaan yang mengatasi perbezaan kaum, warna, bahasa dan keturunan.

MENGEMBANGKAN PROFESIONALISME

- ▶ Islam tidak menyukai tabiat menyembunyikan ilmu kepandaian apa lagi kepakaran. Ilmu itu adalah amanah Allah. Ia mesti disebarikan agar semua manusia mendapat manfaat daripadanya.

“Sesiapa yang menyembunyikan sesuatu ilmu, Allah akan mengekang mulutnya di Hari Kiamat dengan kekang daripada api” (Riwayat Ibnu Hibban dan al-Hakim)

- ▶ Intipati kejayaan Saidatuna Khadijah Radhiallahu ‘anha dalam bidang perniagaan adalah kesinambungan perniagaan dan rancangan penggantian (*succession planning*).

PERSONALITI YANG BERINTEGRITI

- ▶ Integriti bererti kesempurnaan, tidak berbelah bagi, keikhlasan, kejujuran dan ketelusan. Apabila ianya dikenakan kepada sesuatu objek atau sistem, integriti digunakan bagi maksud keadaan dan keberkesanan tanpa gangguan. Apabila ianya dikenakan kepada manusia, integriti dikaitkan dengan nilai keperibadian seseorang – keikhlasan, kejujuran dan kepercayaan.
- ▶ Integriti ditakrifkan juga sebagai kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh kepada nilai-nilai murni dan prinsip secara konsisten, tidak mudah dipengaruhi serta boleh dipercayai

KEPENTINGAN BERINTEGRITI

- ▶ Berintegriti merupakan perintah Allah. Sebagai seorang Muslim, mereka perlulah berintegriti sepanjang hidupnya. Islam tidak memisahkan agama dan kehidupan, oleh itu seorang Muslim dan sifat berintegriti tidak boleh dipisahkan kerana ia sebahagian daripada agama. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ

“Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah janji-janji kamu..” (Surah al-Maaidah, ayat: 1)

- ▶ Permulaan integriti dalam Islam itu adalah dengan integriti seseorang itu terhadap Tuhannya.

AL-QUR'AN PAPAR PANDUAN INTEGRITI TERBAIK

- ▶ Al-Qur'an papar pelbagai kisah kebangkitan dan keruntuhan tamadun, pemerintahan, kerajaan dan ummah. Hampir 1,500 ayat atau satu perempat kandungan al-Qur'an mengandungi sejarah sebagai peringatan.
- ▶ Seorang lelaki menolak pelawaan seorang perempuan jelita untuk berkhalwat semata-mata takutkan Allah. Itulah yang terjadi kepada Nabi Yusuf AS yang digoda isteri pembesar Mesir. Dikisahkan dalam Surah Yusuf ayat 23-24.

AL-QUR'AN PAPAR PANDUAN INTEGRITI TERBAIK

- ▶ Zulqarnain menolak tawaran harta satu kaum untuk membina dinding pemisah menutup sudut di antara dua gunung supaya dapat menutup jalan keluar terakhir bagi Ya'juj dan Ma'juj, kerana sudah mencukupi harta dianugerahkan Allah Subhanahu Wata'ala. (Surah al-Kahfi ayat 95).
- ▶ Penilaian puteri Nabi Syuaib terhadap Nabi Musa AS yang dapat dipercayai kerana keterjagaan pandangan Nabi Musa AS terhadap mereka dalam perjalanan pulang ke rumah. (Surah al-Qasas ayat 26).

KEHANCURAN KAUM YANG TIDAK BERINTEGRITI

- ▶ Diceritakan di dalam Al-Qur'an beberapa kaum rosak integriti kemanusiaannya, lalu dihapuskan Allah Subhanahu Wata'ala seperti kaum Thamud (umat Nabi Saleh) yang mempunyai kemahiran memahat gunung ganang untuk dijadikan tempat tinggal (Al-'Araf, ayat 74), kaum 'Ad (umat Nabi Hud) dan umat Nabi Lut. Ia berkait rapat pencemaran integriti paling tinggi, iaitu mensyirikkan Allah Subhanahu Wata'ala selain sifat keji lain.
- ▶ Kaum 'Ad menyombongkan diri sebagai kaum yang kuat, tinggi besar perawakan tubuhnya (Fussilat, ayat:15), mendiami bangunan-bangunan tinggi, istana-istana dan benteng-benteng yang dibangun di atas perbukitan (Asy-Syu'ara, ayat:128-129). Mereka juga suka menyiksa dengan kejam (Asy-Syu'ara, ayat:130), mempunyai banyak keturunan, hewan ternak, kebun-kebun dan mata air (Asy-Syu'ara, ayat:133-134).

KEHANCURAN KAUM YANG TIDAK BERINTEGRITI

- ▶ Al-Qur'an turut merakam watak pemimpin korup tidak berintegriti:
- ▶ Firaun adalah pemerintah diktator, mempunyai kuasa mutlak menghukum musuh, mendakwa dirinya tuhan serta meyakini tiada kuasa lain boleh menggugat pemerintahan.
- ▶ Haman pula sentiasa berlegar dekat Firaun menjalankan tugas ampu-mengampu memperkukuh kekuasaan Firaun.
- ▶ Qarun tokoh korporat yang dapat manfaat daripada pemerintah, membantu pemerintah, sekali gus mengaut habuan lumayan tanpa pedulikan kesengsaraan orang lain.

MODEL PERSONALITI YANG PROFESIONAL DAN BERINTEGRITI

- ▶ Nabi Yusuf 'alaihissalam bijak dan berwawasan dalam menguruskan ekonomi Mesir (Surah Yusuf, ayat 47 – 49)

"Yusuf berkata: "Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya." (Surah Yusuf, ayat: 55)

- ▶ Dan memelihara diri dari godaan wanita (Surah Yusuf ayat: 23-24).

MEMBANGUN SUMBER MANUSIA DALAM KERANGKA PRINSIP MAQASHID SYARIAH

- ▶ Maqashid Syariah bermaksud tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disembalikinya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.
- ▶ Prinsip Maqashid Syariah: Memelihara kepentingan agama (kerohanian dan spiritual), kepentingan nyawa (jiwa, perasaan dan keselamatan), kepentingan akal (fikiran, intelek dan pendidikan), kepentingan keturunan (keluarga, masyarakat dan generasi) dan kepentingan harta (ekonomi, keusahawanan dan material).

MEMBANGUN SUMBER MANUSIA DALAM KERANGKA PRINSIP MAQASHID SYARIAH

- ▶ Pemimpin setiap peringkat perlu menjadikan Maqashid Syariah sebagai teras dalam merancang dan melaksanakan aktiviti.
- ▶ Polisi yang jelas perlu diwujudkan bagi memastikan penggubalan dan pelaksanaannya adalah berteraskan konsep Maqashid Syariah.

KEBIJAKSANAAN KEPIMPINAN NABI IBRAHIM

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ
فَانظُرْ مَاذَا تَرَى قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ
اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ (الصافات: 102)

"Apabila anaknya itu sampai umur yang membolehkan dia berusaha bersama dengannya, berkata Ibrahim: Wahai anakku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya-Allah, ayah akan dapati daku dari orang yang sabar".

KEBIJAKSANAAN KEPIMPINAN NABI IBRAHIM

- ▶ Pendidikan Yang Baik Menghasilkan Anak Yang Baik
- ▶ Komunikasi Yang Baik
- ▶ Memberi Peluang Kepada Anak Untuk Memberikan Pendapat
- ▶ Membudayakan Amalan Musyawarah Dalam Keluarga
- ▶ Menguji Dan Membuat Penilaian Kepada Anak

KEBIJAKSANAAN KEPIMPINAN NABI IBRAHIM

- ▶ Pemimpin baik (Nabi Ibrahim 'alaihissalam)
- ▶ Pengikut baik (Nabi Ismail 'alaihissalam)
- ▶ Sistem yang baik (pendidikan dan pembangunan sumber manusia, penilaian, komunikasi dan musyawarah serta lain-lain.)
- ▶ Nilai yang baik (berfikiran kritis, taat, hormat menghormati dan sebagainya.)

KEJAYAAN KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM SUASANA BAHARU

Melahirkan sumber manusia yang berkualiti Rabbani berpersonaliti muslim yang unggul dan berjaya sehingga mampu menghasilkan sikap kerja yang tinggi di kalangan kaum muslimin. (Abdul Rahman bin 'Auf)

► Keimanan dan ketakwaan

Keimanan dan ketakwaan merupakan unsur penting yang membentuk nilai dan karektar positif seperti keikhlasan, kejujuran, tidak tamak atau cenderung kepada kesenangan dengan cara mudah dan memastikan rezeki yang diperolehi adalah halal dan bersih daripada larangan syarak.

► Berusaha dan berdikari

Tidak bergantung atau berharap kepada orang lain sama ada segi modal atau apa jua bantuan. Sanggup memulakan perniagaan dari bawah atau secara kecil-kecilan, berusaha dengan gigih, berdisiplin sehingga berjaya dan terus berkembang.

KEJAYAAN KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM SUASANA BAHARU

Melahirkan sumber manusia yang berkualiti Rabbani berpersonaliti muslim yang unggul dan berjaya sehingga mampu menghasilkan sikap kerja yang tinggi di kalangan kaum muslimin. (Abdul Rahman bin 'Auf)

- ▶ Keyakinan diri dan keberanian

Berani dan yakin terhadap keupayaan diri dalam perniagaan, segala usaha yang betul dan bersungguh-sungguh mendapat keberkatan serta pertolongan Allah SWT. Keberanian untuk menghadapi cabaran dan kesulitan yang dihadapi dalam dunia perniagaan.

- ▶ Kemahiran berniaga dan mengurus sumber

Kemahiran atau skill berniaga, kreatif dan inovatif, bijak mencari peluang dan mengurus sumber seperti modal serta keuntungan untuk berkembang dan berjaya.

KEJAYAAN KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM SUASANA BAHARU

Membangun ekonomi yang dinamik

- ▶ Memperkenalkan bidang-bidang keusahawanan yang baru kepada kaum muslimin (Muhajirin). Dari langkah-langkah yang dilakukan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam tersebut sebenarnya telah menyebabkan tumbuh mata pencarian baru bagi kaum muhajirin.
- ▶ Membangun sistem ekonomi yang berbasiskan/berdasarkan prinsip Syirkah (kerjasama) atas dasar tolong menolong.

KEJAYAAN KEPIMPINAN RASULULLAH DALAM SUASANA BAHARU

Membangun ekonomi yang dinamik

- ▶ Usaha dan kerja keras Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam, para sahabat dan kaum muslimin telah berhasil dengan gemilang. Dalam waktu yang relatif singkat, ekonomi mereka berkembang dan meningkat. Kurang lebih satu tahun usai negara Madinah, umat Islam, termasuk kaum Muhajirin yang datang tanpa membawa harta, kini telah mempunyai penghasilan lebih untuk keperluan konsumtif maupun produktif. Pada awal tahun kedua Hijrah, Allah Subhanahu wa Ta'ala sudah mewajibkan muslimin membayar zakat. Tentu saja, zakat diwajibkan hanya bagi yang berkecukupan.

TERIMA KASIH

جزاكم الله خير الجزاء